

## SURAH HAJI



Surah: 22 Juzuk: 17 Bil. Ayat: 78

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Wahai semua manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar.
2. Pada hari kamu melihat (peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu penyusu akan melupakan anak yang disusukannya, dan gugurlah kandungan tiap-tiap wanita yang hamil; dan engkau akan melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat.
3. Dan ada di kalangan manusia yang membantah perkara yang berkaitan dengan Allah tanpa berdasarkan sebarang pengetahuan, dan dia mengikut setiap syaitan yang sangat jahat.
4. Yang telah ditetapkan kepada (setiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang berketaukan dia, maka sesungguhnya dia akan menyesatkannya dan memimpinnya kepada azab neraka.
5. Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak tentang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ إِذَا لَمْ يَرَلَهُ  
السَّاعَةُ شَيْءٌ عَظِيمٌ ﴿١﴾

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَدْهُلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا  
أَرَضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتٍ حَمَلَ حَلَاهَا  
وَتَرَى النَّاسَ سُكْرًا وَمَا هُمْ بُسُكْرًا  
وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ  
وَيَسْأَلُ كُلَّ شَيْءٍ لِّمَرِيدٍ ﴿٣﴾

كُتِبَ عَلَيْهِ أَنَّهُ مَنْ تَوَلَّهُ فَأَنَّهُ  
يُضْلَلُهُ وَمَنْ هُدِيَ إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ ﴿٤﴾

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ كُن്ُ�تُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ

kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada peringkat kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada setitik air benih, kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian daripada seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; untuk menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim itu apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat usia dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah ketika); kamu melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya hidup subur, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah.

الْبَعْثُ فِي أَنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ  
مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلْقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ  
مُخْلَقَةٍ وَعَدْ مُخْلَقَةٍ لِتَبَيَّنَ لَكُمْ وَيُنَزَّلُ  
فِي الْأَرْضَ كَامِلَاتٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمَّى ثُمَّ  
خُرُوجُكُمْ طَفَلًا ثُمَّ لِتَبْغُوا أَشُدَّكُمْ  
وَمِنْكُمْ مَنْ يُؤْفَى وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى  
أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ  
شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْتُمْ  
عَلَيْهَا أَلْمَاءٌ هَرَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ  
كُلِّ رَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

6. (Demikian) itu membuktikan bahawa sesungguhnya Allah jualah Tuhan yang sebenar-benarnya (yang berhak disembah), dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati, dan Dialah juga Yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.
7. Dan bahawa sesungguhnya hari kiamat itu pasti akan datang, tidak ada sebarang syak padanya, dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang yang di dalam kubur.
8. Dan ada di kalangan manusia yang membantah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Allah tanpa berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tanpa sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menyinari (jalan kebenaran).
9. Dia memalingkan sebelah badannya dengan sompong angkuh untuk memesongkan (diri sendiri dan orang lain) daripada jalan (agama) Allah; dia akan beroleh kehinaan di dunia, dan Kami akan merasakannya azab yang membakar pada hari kiamat kelak.
10. (Dikatakan kepadanya): «Azab yang demikian itu ialah disebabkan perbuatan

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُعْلَمُ بِالْمَوْقِتِ وَأَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>٦</sup>

وَأَنَّ السَّاعَةَ إِلَيْهَا لَآرِيبٌ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَعْثُثُ مَنْ فِي الْقُبُوْرِ<sup>٧</sup>

وَمِنَ الظَّالِمِينَ مَنْ يُحَدِّلُ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا يَكْتُبُ مُنْبِرٍ<sup>٨</sup>

ثَانِيَ عَيْفِهِ لِيُضْلِلَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُ فِي الْتُّنْبِيَا خَرَقٌ وَنُدْيِقٌ وَيَوْمًا الْقِيَمَةُ عَذَابُ الْحَقِيقِ<sup>٩</sup>

ذَلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلِيمٍ لِلْعَيْدِ<sup>١٠</sup>

tanganmu sendiri, dan (ingatlah) sesungguhnya Allah tidak sama sekali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya».

- 11.** Dan ada di kalangan manusia yang menyembah Allah dengan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau dia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula dia ditimpa dugaan kesusahan, berbaliklah dia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah dia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang nyata.
- 12.** Dia menyeru makhluk-makhluk selain Allah, yang tidak dapat memudaratkan dan tidak dapat mendatangkan kebaikan kepadanya; itulah kesesatan yang jauh terpesong.
- 13.** Dia menyeru makhluk yang - pastinya - mudaratnya lebih dekat daripada manfaatnya; sesungguhnya ia seburuk-buruk penolong dan seburuk-buruk sahabat karib.
- 14.** Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; sesungguhnya Allah melakukan apa yang Dia inginkan.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَى حُرْفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ وَحْيٌ أَطْمَانَ بِهِ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ أَنْقَلَبَ عَلَى وَجْهِهِ حَسِيرًا وَالْآخِرَةُ ذَلِكَ هُوَ الْحُسْنَانُ الْمُمِينُ ١١

يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يُضُرُّ وَمَا لَا يَنْفَعُهُ وَذَلِكَ هُوَ الصَّبَلُ الْبَعِيدُ ١٢

يَدْعُوا لَمَنْ ضَرَّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ لَيْسَ الْمَوْلَى وَلَيْسَ الْعَشِيرُ ١٣

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الْمُبْتَدَئِينَ أَمْنًا وَعَمَلًا الْصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ١٤

- 15.** Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak sama sekali akan menolong Nabi Muhammad di dunia ini dan di akhirat kelak, maka hendaklah dia menghulurkan tali (serta mengikatnya) di bumbung rumahnya, kemudian hendaklah dia menjerut lehernya (supaya dia mati tercekik); seterusnya hendaklah dia memikirkan terlebih dahulu, adakah helahnya itu dapat menghapuskan sebab-sebab yang menimbulkan kemarahaninya?
- 16.** Dan demikianlah pula Kami telah menurunkan al-Quran itu sebagai ayat-ayat yang nyata; dan sesungguhnya Allah memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki.
- 17.** Sesungguhnya orang yang beriman, orang Yahudi, orang Saabiin<sup>(1)</sup>, orang Nasrani, dan orang Majusi, serta orang yang menyekutukan Allah, sesungguhnya Allah akan memisahkan di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.
- 18.** Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di

مَنْ كَانَ يُظْلِنُ أَنَّ لَنْ يَنْصُرَ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا  
وَالآخِرَةِ فَإِنَّمَا دُسْبَيْ إِلَى السَّمَاءِ مُطْرَكَعًا  
فَلَيَنْظُرْ هَلْ يُدْهِنَ كَيْدُهُ وَمَا يَعْيَطُ (٥)

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ إِيمَانَتِي بَيْنَتِي وَأَنَّ اللَّهَ  
يَهْدِي مَنْ يُرِيدُ (٦)

إِنَّ الَّذِينَ مَا مُؤْمِنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا  
وَالصَّابِرِينَ وَالنَّاصِدِينَ وَالْمَجْوُسَ وَالَّذِينَ  
أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ وَهُوَ أَقْيَمُ  
إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ (٧)

أَنَّمَا تَرَأَتِ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ وَمَنْ فِي السَّمَاوَاتِ

1 Saabiin ialah orang-orang yang mengikut syariat para nabi zaman dahulu. Ada juga mufassir yang berpendapat mereka adalah satu kumpulan daripada Ahli Kitab, penyembah malaikat, penyembah bintang dan sebagainya. Sila rujuk Tafsir Al-Muharrar Al-Wajiz muka surat: 95, untuk penjelasan lanjut.

langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, bintang-bintang, gunung-ganang, pokok-pokok kayu, binatang-binatang serta sebahagian besar manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka dia tidak mempunyai sesiapapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang Dia kehendaki.

- 19.** Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang sering berbantahan-bantahan berkaitan Tuhan mereka. Maka orang yang kafir akan disediakan bagi mereka pakaian daripada api neraka, serta dicurahkan ke atas kepala mereka air panas yang menggelegak.
- 20.** Yang dengannya dihancurkan apa yang ada di dalam perut mereka, dan juga kulit-kulit mereka.
- 21.** Dan bagi mereka pula disediakan batang-batang besi (untuk menyeksa mereka).
- 22.** Tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, akibat menanggung azabnya, mereka dikembalikan ke dalamnya, serta dikatakan: «Rasalah kamu azab yang membakar!»

وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ  
وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ  
وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ وَكَثِيرٌ حَقَّ عَلَيْهِ الْعَذَابُ  
وَمَنْ يُبَيِّنُ لِلَّهِ فَمَا لَهُ وَمَنْ مُّكَبِّرٌ إِلَّا أَنَّ اللَّهَ  
يَفْعُلُ مَا يَشَاءُ ﴿١٨﴾

\* هَذَا إِنْ خَصْمَانِ آخَرَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ  
فَالَّذِينَ كَفَرُوا قُطِعَتْ لَهُمْ شِيَابٌ مِّنْ  
نَارٍ يُصَبَّ مِنْ فَوْقِ رُءُوسِهِمْ أَحَمِيمٌ  
﴿١٩﴾

يُصَهِّرُهُمْ مَا فِي بُطُونِهِمْ وَلَجَلُودُ  
﴿٢٠﴾

وَلَاهُمْ مَقَامٌ مِّنْ حَدِيدٍ  
﴿٢١﴾

كُلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا مِنْ عَمَّرٍ  
أُعْدُوا فِيهَا وَدُوْقًا عَذَابَ الْحَقِيقِ  
﴿٢٢﴾

- 23.** Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam syurga yang mengalir padanya sungai-sungai; mereka dihiaskan di situ dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka di situ daripada sutera.
- 24.** Dan mereka itu diberi hidayah kepada ungkapan yang baik, serta diberi hidayah ke jalan Allah Yang Maha Terpuji.
- 25.** Sesungguhnya (amatlah zalim) orang yang kafir serta menghalang manusia daripada jalan Allah (agama Islam), dan daripada Masjid Al-Haram (Makkah) yang Kami telahjadikannya tempat beribadat untuk sekalian manusia (yang beriman) - sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang dilarang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang pedih.
- 26.** Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepada dengannya): «Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumahKu (Kaabah ini) bagi orang yang tawaf, orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan solat).

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمَلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤٍ وَلِبَاسٌ هُمْ فِيهَا حَارِرُونَ ﴿٦٣﴾

وَهُدُوْا إِلَى الْطَّيِّبِ مِنْ الْقُولِ وَهُدُوْا إِلَى صَرَاطِ الْحَمِيدِ ﴿٦٤﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ لِلنَّاسِ سَرَّاءً الْعَدُوُكُ فِيهِ وَالْبَادِ وَمَنْ يُرِدُ فِيهِ بِالْحَاجَةِ يُظْلِمُ نُزُقَهُ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿٦٥﴾

وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا وَطَهَرْ بَيْتِيَ لِلظَّاهِرَيْنَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكُعَ الْسُّجُودُ ﴿٦٦﴾

- 27.** «Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, pasti mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari pelbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.
- 28.** «Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu<sup>(1)</sup>, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); justeru makanlah kamu daripada (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.
- 29.** «Kemudian hendaklah mereka membersihkan diri mereka<sup>(2)</sup> dan hendaklah mereka menunaikan nazar-nazar mereka, dan hendaklah mereka tawaf sekitar Baitullah (Kaabah) yang tua itu».
- 30.** Itulah (yang wajib dipatuhi); dan sesiapa yang menghormati hukum-hakam Allah maka itulah yang baik baginya di sisi TuhanYa; dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternakan, kecuali yang dibacakan kepada

وَأَذْنَ فِي النَّاسِ بِالْحُجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا عَلَى  
كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِيهِ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ ﴿٦٧﴾

لِيَشَهُدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ  
اللَّهِ فِي أَيَّارٍ مَعْلُومٍ عَلَى مَارَزَفَهُمْ  
مَنْ يَهِمَةَ الْأَنْعَمِ فَكُلُوا مِنْهَا  
وَأَطْعُمُوا الْبَآسِ الْفَقِيرَ ﴿٦٨﴾

شَرَّ لِيَقْصُدُوا فَثَمَّهُ وَلَيُوفُوا نُذُورَهُمْ  
وَلَيَطَّوِّرُوا بِأَبْيَتِ الْعَتِيقِ ﴿٦٩﴾

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمْ حُرْمَتَ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ  
لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَاحْلَتْ لَكُمُ الْأَغْمَمُ  
إِلَّا مَا يُشَاءُ عَلَيْكُمْ فَاجْتَبِيوا الْحَسَنَ  
مِنَ الْأَوْتَانِ وَاجْتَبِيوا قَوْلَ الْزُّورِ ﴿٧٠﴾

1 Iaitu hari Raya Haji dan hari Tasyrik.

2 Seperti memotong rambut dan mengerat kuku.

kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik dari penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.

31. (Amalkanlah perkara-perkara itu dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekuatkan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbangkan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan).
32. Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka perbuatan itu satu kesan daripada ketakwaan hati (orang mukmin).
33. Kamu beroleh pelbagai faedah dan kegunaan pada binatang ternakan itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelihnya); kemudian waktu menyembelihnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua itu.
34. Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah terhadap penguriahanNya kepada mereka; binatang-binatang ternakan yang disembelih itu; kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka

وَحْفَاءَ لِلَّهِ عَيْرَ مُسْكِنٍ كَيْنَ بِهِ وَمَنْ يُشَرِّكُ بِاللَّهِ فَكَانَتْ أَخَرَّ مِنَ الْسَّمَاءِ فَتَخْطُوفُهُ الظَّيْرُ أَوْ تَهْوِي بِهِ الْبَرِّيْحُ فِي مَكَانٍ سَجِيقٍ ﴿٦﴾

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَرَرَ اللَّهِ فِي أَنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٧﴾

لَكُفَّرُ فِيهَا أَمْتَفَعُ إِلَى أَجَلٍ مُسَمٍّ ثُمَّ حَمَلُهَا إِلَى الْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٨﴾

وَلَكُلُّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مِنْكُمْ كَائِنَدُكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَى مَارِزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فِي الْهُكْمِ إِلَهٌ وَحْدَهُ فَلَهُ وَآسِمَاؤُهُ وَبَشِيرُ الْمُحْكَمِينَ ﴿٩﴾

hendaklah kamu berserah diri kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang yang tunduk patuh.

- 35.** Iaitu orang yang apabila disebut nama Allah, gerun gementarlah hati mereka, dan orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka, dan orang yang mendirikan solat, serta orang yang mendermakan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

- 36.** Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian daripada syiar agama Allah untuk kamu; pada penyembelihan unta tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkannya untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) semoga kamu bersyukur.

- 37.** Daging dan darah binatang korban itu tidak sama sekali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah (amal

الَّذِينَ إِذَا دُكَرَ اللَّهُ وَجْهٌ قُلُوبُهُمْ  
وَالصَّابِرِينَ عَلَى مَا أَصَابَهُمْ وَالْمُقْيَسِي  
الْصَّلَاةَ وَمَارِقَهُمْ يُفِيقُونَ

وَالْبَدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعَرِ اللَّهِ لَكُمْ  
فِيهَا حَيْثُ قَدْرُ أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٌ  
فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُّوْهَا وَأَطْعُمُوا  
الْقَانِعَ وَالْمُعَرَّبَ كَذَلِكَ سَخَرَنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَشَكُّرُونَ

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا مَأْوَهَا وَلِكُنْ يَنَالُهُ  
الْتَّقْوَى مِنْ كُلِّ كَذَلِكَ سَخَرَهَا لَكُمْ لَتُكَبِّرُوا  
اللَّهُ عَلَى مَا هَدَنَكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ

yang ikhlas yang berdasarkan) takwa daripada kamu. Demikianlah dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu mengagungkan Allah kerana mendapat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang yang melakukan kebaikan.

- 38.** Sesungguhnya Allah membela orang yang beriman; sesungguhnya Allah tidak suka kepada setiap orang yang khianat, lagi tidak bersyukur.
- 39.** Diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Maha Berkusa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).
- 40.** Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya tanpa sebarang alasan yang benar, melainkan hanya kerana mereka berkata: «Tuhan kami ialah Allah»; dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhalah tempat-tempat ibadah serta gereja-gereja ( kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang ( kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut banyak nama Allah padanya

\*إِنَّ اللَّهَ يُدْفِعُ عَنِ الظَّالِمِينَ مَنْ أَمْنَى إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ حَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾

أَذْنَنَّ لِلَّذِينَ يَقْاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلْمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ  
نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

الظَّالِمِينَ أَخْرِجُوا مِن دِيْرِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا  
أَن يَقُولُوا إِنَّا لِلَّهِ وَلَا دَافِعُ لِلَّهِ  
النَّاسَ بِعَصَمِهِمْ بِعَصِّ لَهُدَى مَتْ صَوَّامِعُ  
وَبَيْعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يَدِكُ فِيهَا  
أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ  
يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوْيٌ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.

41. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar; dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.
42. Dan jika mereka (yang kafir itu) mendustakanmu (wahai Muhammad), maka (demikian itu tidaklah pelik) kerana sesungguhnya sebelum mereka kaum nabi Nuh, dan Aad (kaum nabi Hud), serta Thamud (kaum nabi Soleh) telah juga mendustakan rasul mereka.
43. Dan (demikian juga) kaum nabi Ibrahim dan kaum nabi Lut.
44. Dan juga penduduk Madyan; dan nabi Musa juga telah didustakan; maka Aku memberi tempoh kepada orang kafir itu, kemudian Aku menimpakan mereka dengan azab. Oleh yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaanKu.

الَّذِينَ إِنْ مَكَثُوكُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَاتُوكُمْ  
الصَّلَاةَ وَإِنَّا لَرَحُمٌ وَأَمْرُوكُمْ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

وَإِنْ يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ  
قَوْمُ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودٍ ﴿٤٢﴾

وَقَوْمُ إِبْرَاهِيمَ وَقَوْمُ لُوطٍ ﴿٤٣﴾

وَأَصْحَابُ مَدْيَنَ وَكُلُوبَ مُوسَىٰ فَامْلَأْتُ  
لِلْكَفَّارِنَ شَمَاءَهُمْ فَكِيفَ كَانَ  
نَكِيرٌ ﴿٤٤﴾

- 45.** Maka bukan sedikit negeri-negeri yang Kami telah binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya, lalu ranaplah bangunan-bangunannya; dan bukan sedikit pula telaga yang telah terbiar, dan juga istana yang tersengam (telah kosong, ditinggalkan).
- 46.** Maka, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? Sesungguhnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.
- 47.** Dan mereka meminta kepadamu (wahai Muhammad) menyegerakan kedatangan azab, padahal Allah tidak sama sekali akan memungkiri janjiNya; dan (katakanlah kepada mereka): sesungguhnya satu hari (daripada hari-hari azab) di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun daripada apa yang kamu hitung.
- 48.** Dan bukan sedikit negeri-negeri yang Aku beri tempoh, sedang penduduknya berlaku zalim; kemudian Aku menimpakannya dengan azab; dan (ingatlah) kepada Akulah tempat kembali.

فَكَيْنَ مِنْ قَرِيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ طَالِمَةٌ فَهِيَ خَالِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا وَبَرِّيَّةٌ مُعْطَلَةٌ وَقَصَرَتِ شَيْدٌ ﴿٤٥﴾

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ أَذْنَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ أَلْبَصَرُو لَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ أَلْيَ فِي الْأَصْدُورِ ﴿٤٦﴾

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَنَنْهَا مِنْ يُخْلِفَ اللَّهَ وَعْدَهُ وَإِذَا يَوْمًا عِنْدَ رِيَّكَ كَيْ أَلْفِ سَنَةٍ إِنَّمَا تَعْدُونَ ﴿٤٧﴾

وَكَيْنَ مِنْ قَرِيَةٍ أَمْلَيْتُ لَهَا وَهِيَ طَالِمَةٌ ثُمَّ أَخْذَنَاهَا إِلَيَّ أَمْصِبِرُ ﴿٤٨﴾

**49.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Wahai semua manusia, aku tidak lain hanyalah seorang rasul pemberi peringatan yang menjelaskan keterangan-keterangan kepada kamu».

قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ نَذِيرٌ  
مُّبِينٌ ﴿٤٩﴾

**50.** Maka orang yang beriman dan beramal soleh pasti akan beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.

فَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ  
مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَيْفَ يُرَبِّي  
﴿٥٠﴾

**51.** Dan (sebaliknya) orang yang berusaha menentang ayat-ayat Kami, mereka itulah ahli neraka.

وَالَّذِينَ سَعَوْفَتْ إِيمَانَهُمْ كَجِزِينَ  
أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَهَنَّمِ ﴿٥١﴾

**52.** Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang rasul atau seorang nabi melainkan apabila dia bercita-cita (supaya kaumnya beriman kepada agama Allah yang dibawanya), maka syaitan pun melemparkan hasutannya terhadap cita-citanya; maka, Allah segera menghapuskan apa yang telah digangu oleh syaitan, kemudian Allah menetapkan ayat-ayatNya dengan kukuhnya; dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ وَلَا حَجَّيٍ  
إِلَّا إِذَا تَمَّتَ الْقَوْلَ الشَّيْطَنُ فِي أَمْبِيلَهِ  
فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَنُ ثُمَّ يُحَكِّمُ  
الَّهُ أَعْلَمُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾

**53.** (Yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan syaitan itu sebagai satu cubaan bagi orang yang ada penyakit kufur dalam hati mereka, dan yang hatinya keras membantu; dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh daripada kebenaran.

لِيَجْعَلَ مَا يُلْقِي الشَّيْطَنُ فَتَنَّهُ الَّذِينَ فِي  
قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ وَالْقَاتِلَةُ فِي قُلُوبِهِمْ وَإِنَّ  
الظَّالِمِينَ لَفِي شَقَاقٍ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

- 54.** Dan juga supaya orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat itu benar daripada Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk patuhlah hati mereka; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang yang beriman ke jalan yang lurus.
- 55.** Dan orang kafir tetap di dalam keraguan terhadap al-Quran hingga datang kepada mereka saat kiamat secara mengejut, atau datang kepada mereka azab pada hari yang tiada kebaikan untuk mereka.
- 56.** Kuasa pemerintahan pada hari kiamat itu pastinya bagi Allah. Dia akan menghukum di kalangan mereka. Maka orang yang beriman dan beramal soleh ditempatkan di dalam syurga yang penuh dengan segala nikmat.
- 57.** Dan orang yang kafir serta mendustakan ayat-ayat Kami, maka mereka beroleh azab yang menghinakan.
- 58.** Dan orang yang berhijrah pada jalan Allah, kemudian mereka terbunuh atau mati, sudah tentu Allah akan mengurniakan kepada mereka kurniaan yang baik. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik pemberi rezeki.

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ أَقْرَبُوا إِلَيْهِ الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ  
مِنْ رَبِّكَ فَيَقُولُونَ مُؤْمِنُو بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ  
قُلُوبُهُمْ فَلَمَّا وَلَمَّا أَنَّ اللَّهَ لَهَادِ الْأَذِنَ إِيمَانُهُمْ إِلَى  
صَرِطٍ مُسْتَقِيرٍ

وَلَا يَرَأُلُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي مِرْيَةٍ مَّا هُنَّ حَتَّىٰ  
تَأْتِيهِمُ السَّاعَةُ بَعْدَهُ أَوْ يَأْتِيهِمْ عَذَابٌ  
يَوْمَ عِقْيَرٍ

الْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ لَهُ يَمْحُكُمْ بَيْنَهُمْ  
فَالَّذِينَ إِيمَانُهُمْ عَمَلُوا الصَّالِحَاتِ  
فِي جَهَنَّمَ النَّعِيمِ

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا  
فَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُهِمِّثٌ

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ شُرَقُوا  
أَوْ مَا تُوْلِيَ لَيْزِرْ قَنَّهُمُ اللَّهُ رِزْقًا حَسَنًا  
وَلَاتَّ اللَّهُ لَهُوَ خَيْرُ الرِّزْقِينَ

- 59.** Sudah tentu Allah akan memasukkan mereka (yang tersebut itu) ke tempat yang mereka suka (syurga), dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyantun.
- 60.** Demikianlah (janji balasan Allah), dan sesiapa yang membalaaskan kejahatan orang, sama seperti yang dilakukan kepadanya, kemudian dia dianiaya lagi, sesungguhnya Allah akan menolongnya. (Ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.
- 61.** (Pertolongan yang dijanjikan Allah pasti berlaku) kerana Allah itu berkuasa memasukkan malam pada siang dan memasukkan siang pada malam (silih berganti); dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.
- 62.** (Kuasa Allah) yang demikian itu adalah kerana Dialah sahaja Tuhan Yang Maha Benar, dan bahawa segala yang mereka sembah selain daripada Allah itulah yang palsu; dan (ingatlah) sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi, lagi Maha Besar.
- 63.** Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya)? Sesungguhnya Allah Maha Halus, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya.

لَيُدْخِلَنَّهُم مُّدْخَلًا يَرْضَوْنَهُ وَإِنَّ  
اللهَ لَعَلِيهِ حَمْدٌ ٣٤

\*ذَلِكَ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عَوْقَبَ  
يَوْمَ ثُمَّ يُغْرِي عَيْنَهُ لَيَنْصُرَنَّهُ اللَّهُ أَعْلَمُ  
اللهَ لَعَفْوٌ غَفُورٌ ٦

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُولِحُ الْيَلَى فِي  
النَّهَارِ وَيُؤْلِحُ النَّهَارَ فِي الْيَلِ وَأَنَّ  
اللهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ٦

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا  
يَعْنُونَ مِنْ دُونِهِ هُوَ الْبَطَلُ وَأَنَّ اللَّهَ  
هُوَ أَعْلَمُ الْكَيْرُ ٦

أَلَمْ تَرَنَ اللَّهَ نَزَّلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً  
فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُحْضَرَةً إِنَّ اللَّهَ  
لَطِيفٌ حَبِيرٌ ٣٢

- 64.** Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaanNya. Dan sesungguhnya Allah, Dialah jua Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.
- 65.** Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintahNya? dan Dia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izinNya; sesungguhnya Allah Maha Belas Kasihan dan Maha Penyayang kepada umat manusia.
- 66.** Dan Dialah yang menghidupkan kamu, kemudian Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu semula. Sesungguhnya manusia sangatlah ingkar.
- 67.** Bagi tiap-tiap umat, Kami adakan satu syariat yang tertentu untuk mereka laksanakan, maka janganlah ahli-ahli syariat yang lain membantahmu dalam urusan syariatmu; dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus.
- 68.** Dan jika mereka membantah kamu, maka katakanlah: «Allah lebih mengetahui akan apa yang kamu lakukan».

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْغَفُورُ الْحَمِيدُ ﴿٦٥﴾

أَلَّا تَرَأَنَ اللَّهَ سَخَّرَ كُلَّ مَا فِي الْأَرْضِ  
وَالْفُلَدَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَيُمْسِكُ  
السَّمَاءَ أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ  
اللَّهَ بِإِنْتَانِكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٦﴾

وَهُوَ الَّذِي أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمْسِكُكُمْ  
يُحِيقُّكُمْ إِنَّ إِلَيْنَا لَكُفُورُكُمْ ﴿٦٧﴾

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا ائْتِسَاكُهُمْ  
نَاسِكُوهُ فَلَا يُنَزِّعُنَا فِي الْأَمْرِ وَادْعُ  
إِلَيَّ رَيْتَكَ إِنَّكَ لَعَلَى هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٨﴾

وَإِنْ جَدَلُوكَ فَقُلْ أَنَّهُ أَعْمَمُ بِمَا  
تَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

**69.** «Allah akan mengadili di antara kamu semua pada hari kiamat, berkaitan apa yang kamu berselisihan padanya».

**70.** Bukankah engkau telah mengetahui bahwasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya demikian itu ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz); sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah.

**71.** Dan mereka menyembah selain daripada Allah iaitu benda-benda yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan membenarkannya, dan yang mereka sendiri tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya dan (ingatlah) tiadalah bagi orang yang zalim (dengan perbuatan syirik) itu sesiapapun yang dapat memberikan pertolongan.

**72.** Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang terang, engkau akan dapat melihat pada muka orang yang kafir itu tanda marah dan benci, hampir-hampir mereka hendak menerkam dan menyerang orang yang membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): «Jika demikian, mahukah, aku khabarkan kepada kamu: yang lebih buruk lagi daripada apa yang

اللَّهُ يَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧٠﴾

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَنًا وَمَا لَيْسَ لَهُ بِهِ عِلْمٌ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ نَصِيرٍ ﴿٧١﴾

وَإِذَا تُلَئِي عَلَيْهِمْ أَيْتُنَا بَيْنَتِ تَعْرِفُ فِي وُجُوهِ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا بِالْمُنْكَرِ كَيْفَ كَادُونَ يَسْطُونَ بِالَّذِينَ يَتَّلَوْنَ عَلَيْهِمْ أَيْتُنَا قُلْ أَفَأَيْتُكُمْ بِشَرَّ مِنْ ذَلِكُو النَّارُ وَعَذَابَهُ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَأَبْيَسَ الْمُصِيرُ ﴿٧٢﴾

telah menyebabkan kemarahan kamu itu? Ialah neraka yang telah dijanjikan oleh Allah kepada orang yang kafir, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali!»

73. Wahai umat manusia, inilah satu perumpamaan, maka dengarkannya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru selain daripada Allah itu, tidak sama sekali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk menciptanya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), alangkah lemah yang meminta (daripada mendapat hajatnya), dan alangkah lemah yang diminta (daripada menunaikannya).
74. Mereka (yang kafir musyrik) itu tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang selayaknya (sebagaimana yang ditetapkanNya); sesungguhnya Allah adalah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.
75. Allah memilih utusan-utusannya daripada malaikat dan daripada manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.
76. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka; dan kepada

يَأَيُّهَا النَّاسُ صُرِبَ مَثْلُ فَأَسْتَمِعُوا إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَن يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَا يَجْتَمِعُوا إِنَّ اللَّهَ وَإِن يَسْلُبُهُمُ الْدُّرُبُ شَيْئاً لَا يَسْتَنِقُونَ مِنْهُ ضُعْفُ الظَّالِبِ وَالْمَطْلُوبِ

مَا قَدَرُوا اللَّهُ حَقَّ قَدْرِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَوِيٌّ عَزِيزٌ

اللَّهُ يَصْطَلِفُ مِنْ الْمَلَكَاتِ رُسُلًا وَمِنْ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

يَعْلَمُ مَا يَبْتَدِئُ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ

Allah jualah kembalinya segala urusan.

- 77.** Wahai semua orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan solat), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; semoga kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

- 78.** Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu kepayaan dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu: «orang Islam» semenjak dahulu dan di dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Maka, dirikanlah solat, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ كُوَافِدُهُمْ وَأَسْجُدُوا  
وَأَعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٦﴾

وَجَهْدُهُ وَفِي اللَّهِ حَقٌّ جَهَادُهُ هُوَ  
أَجْتَبَ لَكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي  
الَّذِينَ مِنْ حَرَجٍ مِّلَةً أَيْمَكُ إِبْرَاهِيمَ هُوَ  
سَمَّكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ بَقِيلٍ وَفِي هَذَا  
لِيَكُونَ الْرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا  
شُهَدَاءَ عَلَى الْأَنْسَارِ فَاقْرَأُوهُ الصَّلَاةَ وَإِذَا  
أَرَكَةَ وَأَعْتَصَمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَكُمْ فِي نَعْمَةِ  
الْمُوْلَى وَنَعْمَةِ التَّصِيرِ ﴿٦٧﴾